

4.3 PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

4.3.1 Pengendalian Kertas Siasatan Fraud

a. Proses Kerja Pengendalian Kertas Siasatan Fraud

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
Pembantu Tadbir Cawangan/ Ibu Pejabat (PT)	- Menerima aduan secara bertulis sama ada daripada luar atau dalaman. Jika aduan diterima secara lisan, menasihati pengadu untuk membuat aduan secara bertulis mengikut format Borang Aduan Jabatan. - Mengakui terima aduan dan mendaftarkan aduan dalam Buku Daftar Aduan pada hari yang sama. - Mengemukakan salinan pendua aduan kepada pengadu pada hari yang sama <u>Jika aduan diterima oleh cawangan</u> Aduan dikemukakan kepada PIN/KC. <u>Jika aduan diterima oleh Ibu Pejabat</u> Aduan dikemukakan kepada PIBPP.	- Seksyen 84A Akta 360 - Perenggan 72 (d) Akta 360 - Seksyen 107 Kanun Tatacara Jenayah - Surat akuan terima aduan - Borang Aduan Jabatan
Pengarah Insolvensi Bahagian (PIBPP)/Pengarah Insolvensi Negeri (PIN)/Ketua Cawangan (KC)	Meneliti aduan dan memberikan arahan pada hari yang sama aduan diterima. <u>Jika aduan diterima oleh cawangan</u> Arahan kepada Ketua Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan (KUPP)/Pegawai Penyiasat (PP) untuk membuka Kertas Siasatan (KS). <u>Jika aduan diterima oleh Ibu Pejabat</u> Arahan kepada Pembantu Tadbir untuk mengemukakan aduan ke cawangan yang berkenaan dalam tempoh dua (2) hari daripada tarikh aduan diterima.	

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
KUPP/PP Cawangan	- Memberi arahan kepada Pembantu Tadbir untuk membuka KS dengan mendaftarkan: (i) nama pengadu; (ii) nama suspek; (iii) nombor kad pengenalan suspek; (iv) cawangan yang mentadbir kes. pada hari yang sama arahan diterima.	
Pembantu Tadbir Cawangan (PT)	- Membuka dan mendaftar KS dalam Buku Daftar KS pada hari yang sama arahan diterima daripada KUPP/PP. - Mengemukakan KS kepada KUPP/PP untuk arahan pada hari yang sama KS dibuka.	
KUPP/PP	<u>Cawangan Yang Mempunyai KUPP</u> - Meminitkan KS kepada PP yang berkenaan untuk menjalankan siasatan. <u>Cawangan Yang Tidak Mempunyai KUPP</u> - PP menjalankan siasatan selepas menerima KS daripada PT.	
Pembantu Tadbir (PT) Cawangan	- Merekod pergerakan KS dalam Buku Daftar KS. - Mengedarkan KS kepada PP yang ditugaskan.	
PP	- Mengakui terima KS dalam Buku Daftar KS. - Membuka Diari Siasatan (DS) dan mencatatkan setiap pergerakan siasatan dalam DS. - Mengenal pasti kesalahan.	- Seksyen 119 Kanun Tatacara Jenayah - Seksyen 107 Kanun Tatacara Jenayah - Seksyen 107A Kanun Tatacara Jenayah - Kesalahan fraud dalam Akta 360

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
		- Perenggan 109(1)(a) - Perenggan 109(1)(b) - Perenggan 109(1)(c) - Perenggan 109(1)(d) - Perenggan 109(1)(e) - Perenggan 109(1)(f) - Perenggan 109(1)(g) - Perenggan 109(1)(h) - Perenggan 109(1)(i) - Perenggan 109(1)(j) - Perenggan 109(1)(k) - Perenggan 109(1)(l) - Perenggan 109(1)(m) - Perenggan 109(1)(m)(i) - Perenggan 109(1)(m)(ii) - Perenggan 109(1)(n) - Perenggan 109(1)(o) - Perenggan 109(1)(p) - Perenggan 109(1)(q) - Perenggan 109(1)(r) - Perenggan 109(1)(r)(i) - Perenggan 109(1)(r)(ii) - Perenggan

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
		109(1)(r)(iii) - Subseksyen 109(3) - Subseksyen 110(1) - Perenggan 111(a) - Perenggan 111(b) - Perenggan 112 - Perenggan 113(1) - Perenggan 114(a) - Perenggan 114(b) - Perenggan 114(c) • Kesalahan dalam Kanun Keseksaan - Seksyen 421 - Seksyen 422 - Seksyen 423 - Seksyen 424
PP	• Membuat carian rasmi (dalam) Orang Yang Disyaki (OYDS) bagi mendapatkan maklumat kebangkrapan berkaitan. • Membuat carian rasmi di agensi-agensi swasta dan kerajaan seperti SSM, JPJ, JPN, Imigresen, PTG, Pihak Berkuasa Tempatan, Bank-bank, Institusi kewangan, syarikat telekomunikasi dan utiliti serta lain-lain agensi yang berkaitan dengan kesalahan yang disiasat.	• Subseksyen 8(1)(b) Akta 360 • Seksyen 51 dan 51A Kanun Tatacara Jenayah • Seksyen 56 Akta 360/Seksyen 54-65 Kanun Tatacara Jenayah • Seksyen 90A Akta Keterangan 1950 • Jadual 1 Kanun Tatacara Jenayah (Seksyen 421-424 Kanun Keseksaan) • Perenggan 134(1)(b) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
PP	- Mengeluarkan notis kepada saksi untuk hadir memberi keterangan. - Mengambil keterangan pengadu/saksi/pegawai kes kebangkrapan. - Memohon Waran Mengkehendaki Kehadiran Saksi di Mahkamah ke atas saksi yang gagal hadir memberikan keterangan. - Memohon Waran Tangkap di Mahkamah ke atas saksi yang gagal hadir beri keterangan setelah Waran Mengkehendaki Kehadiran Saksi di Mahkamah telah dilaksanakan terhadap saksi. - Mengeluarkan notis kepada pegawai meja bahagian / unit kebangkrapan untuk tandakan pada fail pentadbiran kebangkrapan tersebut dalam tindakan siasatan.	- Seksyen 111 Kanun Tatacara Jenayah - Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah - Borang 1 hingga 4
PP	- Menyediakan Laporan Siasatan dan menyediakan minit pada kertas minit Kertas Siasatan. - Memaklumkan kepada Unit Kebankrapan sekiranya terdapat penemuan aset bankrap yang belum didedahkan. - Memastikan kertas siasatan telah lengkap untuk disemak oleh PIN/KC/KUPP. Mengemukakan Kertas Siasatan kepada PIN/KC/KUPP.	- Seksyen 56 Akta 360 - Borang 13 Waran Menggeledah - Kaedah 56 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 - Borang 14, Waran Sitaan - Kaedah 56, Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 - Seksyen 63, 64, 65 Kanun Tatacara Jenayah

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
KUPP/PP	<u>Cawangan Yang Mempunyai KUPP</u> - KUPP membuat semakan dan memastikan KS telah lengkap untuk dikemukakan kepada PIN/KC. - KUPP mengemukakan KS kepada PIN/KC dengan syor. <u>Cawangan Yang Tidak Mempunyai KUPP</u> - PP mengemukakan KS yang telah disemak dan dilengkapi kepada PIN/KC dengan syor.	
PIN/KC	- Menyemak dan mengkaji KS dalam tempoh 7 hari dari tarikh terima KS. <u>Jika KS lengkap atau keterangan mencukupi:</u> Memberi ulasan pada KS dan memajukan KS kepada PIBPP di Ibu Pejabat dalam tempoh 1 hari dari tarikh ulasan diberi. <u>Jika KS tidak lengkap atau keterangan tidak mencukupi:</u> Memberikan arahan siasatan lanjut kepada PP.	
PP	<u>Jika KS tidak lengkap atau keterangan tidak mencukupi:</u> - Menerima KS untuk menjalankan siasatan lanjut dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima KS. - Memastikan KS telah lengkap. - Meminitkan hasil keseluruhan siasatan dan menyediakan Laporan Siasatan dalam KS. - Mengemukakan semula KS kepada PIN/ KC.	

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
PIBPP	- Menerima dan menyemak KS serta memberi ulasan/cadangan dalam tempoh 3 hari dari tarikh terima KS. - Mengemukakan KS berserta ulasan/cadangan kepada TKPI dalam tempoh 1 hari dari tarikh ulasan diberi.	
TKPI	Menerima dan menyemak KS serta memberi ulasan dalam tempoh 3 hari dari tarikh terima KS. <u>KS Biasa</u> <u>Jika arahan untuk mendakwa</u> Mengemukakan KS beserta arahan/ulasan untuk mendakwa kepada PIBPP dalam tempoh 1 hari dari tarikh ulasan diberi. <u>Jika arahan untuk siasatan lanjut</u> Mengemukakan KS beserta arahan/ulasan untuk menjalankan siasatan lanjut kepada PIBPP dalam tempoh 1 hari dari tarikh ulasan diberi. <u>KS Berprofil Tinggi</u> Mengemukakan KS beserta ulasan kepada KPI dalam tempoh 1 hari dari tarikh ulasan diberi.	
KPI	<u>KS Berprofil Tinggi</u> - Menerima dan menyemak KS Berprofil Tinggi serta memberi arahan/ulasan dalam tempoh 3 hari dari tarikh terima KS. - Mengemukakan KS berserta arahan kepada PIBPP dalam tempoh 7 hari dari tarikh arahan diberi.	- Seksyen 72 (d) Akta 360 - Seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah - Artikel 145 (3) Perlembagaan Persekutuan
PIBPP	Menerima KS dari KPI/TKPI dan mengemukakan KS kepada PIN/KC dalam tempoh 1 hari dari tarikh terima KS.	

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
PIN/KC	Menerima KS dan mengarahkan PP/Ketua Unit Kebankrapan (KUB) dalam tempoh 1 hari dari tarikh terima KS untuk mengambil tindakan sebagaimana minit arahan dalam KS.	
PP/KUB	<u>Jika arahan untuk mendakwa</u> - PP menerima KS dan menyediakan draf Kertas Pertuduhan dan juga Fakta Kes dalam tempoh 3 hari dari tarikh terima KS. - PP mengemukakan draf Kertas Pertuduhan, Fakta Kes dan KS kepada PIN/KC. <u>Jika arahan untuk menutup kes (No Further Action-NFA)</u> - PP menerima KS dan menutup KS dalam tempoh 1 hari dari tarikh arahan diterima daripada PIN/KC. - KUB menerima keputusan dan meminit keputusan dalam fail pentadbiran kes kebangkrapan serta tandakan tindakan telah selesai/memasukkan data ke dalam INSIST dalam tempoh 1 hari dari tarikh arahan diterima. <u>Jika arahan untuk siasatan lanjut</u> - Menerima KS dan menjalankan siasatan lanjut dalam tempoh yang diarahkan dari tarikh arahan diterima daripada PIN/KC. - Mengemukakan KS yang telah lengkap siasatan kepada PIN/KC.	Borang Mahkamah 114 – seorang tertuduh Borang Mahkamah 113 - lebih daripada seorang tertuduh Rangka pertuduhan perlu mematuhi seksyen 152 & 153 Kanun Tatacara Jenayah
PIN/KC	<u>KS dengan arahan untuk mendakwa</u> Menerima dan meminitkan KS serta mengemukakan KS, draf Kertas Pertuduhan dan Fakta Kes kepada	


JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
	PIBPP dalam tempoh 3 hari dari tarikh terima KS. <u>KS dengan arahan untuk siasatan lanjut</u> Menerima dan meminitkan KS serta mengemukakan KS kepada PIBPP dalam tempoh 7 hari dari tarikh terima KS.	
PIBPP	<u>KS dengan arahan untuk mendakwa</u> - Menerima dan menyemak KS, draf Kertas Pertuduhan dan Fakta Kes yang diterima daripada PIN/KC dalam tempoh 1 hari dari tarikh terima KS. - Memberi arahan kepada PIN/KC untuk mengemukakan KS, draf Kertas Pertuduhan dan Fakta Kes kepada Pengarah Pendakwaan Negeri (PPN) untuk arahan lanjut. <u>KS dengan arahan untuk siasatan lanjut</u> - Menerima dan menyemak KS serta memberi arahan untuk siasatan lanjut kepada PIN/KC dalam tempoh 1 hari dari tarikh terima KS.	
PIN/KC	<u>KS dengan arahan untuk mendakwa</u> - Menerima dan mengemukakan KS, draf Kertas Pertuduhan dan Fakta Kes kepada PPN dalam tempoh 1 hari dari tarikh terima KS. <u>KS dengan arahan untuk siasatan lanjut</u> - Menerima KS serta memberi arahan kepada PP untuk siasatan lanjut dalam tempoh masa yang diarahkan dari tarikh terima KS.	Arahan Pendakwa Raya Bil 1/2020
Pengarah Pendakwaan Negeri	Menerima KS, draf Kertas Pertuduhan dan Fakta Kes daripada PIN/KC.	


JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
(PPN)	<u>Arahan Pertuduhan</u> - Bersetuju dengan KS, draf Kertas Pertuduhan dan Fakta Kes serta memberi arahan lanjut kepada PIN/KC untuk pertuduhan difailkan. <u>Arahan Untuk Siasatan Lanjut</u> - Tidak bersetuju dengan KS, draf Kertas Pertuduhan dan Fakta Kes serta memberi arahan lanjut kepada PIN/KC untuk siasatan lanjut diteruskan.	
PIN/KC	<u>Arahan Pertuduhan</u> - Menerima arahan pertuduhan daripada PPN dan mengemukakan kepada PIBPP untuk arahan lanjut. <u>Arahan Untuk Siasatan Lanjut</u> - Memberi arahan kepada PP untuk siasatan lanjut diteruskan.	
PIBPP	Menerima arahan pertuduhan daripad PIN/KC dan memaklumkan kepada PIBM berhubung arahan PN.	
PP	- Menerima arahan daripada PIN/KC untuk menjalankan siasatan lanjut dalam tempoh yang diarahkan dari tarikh arahan diterima. - Mengemukakan KS yang telah lengkap siasatan kepada PIN/KC.	
Pengarah Insolvensi Bahagian Mahkamah (PIBM)	Memberi arahan kepada PP untuk memfailkan Kertas Pertuduhan dan Fakta Kes ke Mahkamah melalui sistem e-filing berdasarkan kepada draf yang disediakan oleh cawangan atau berdasarkan pindaan yang dicadangkan oleh Bahagian.	
PP	Memfailkan Kertas Pertuduhan dan Fakta Kes ke mahkamah menerusi sistem e-filing dalam tempoh 1 hari dari tarikh arahan diterima.	Borang Mahkamah 114 – seorang tertuduh

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
		Borang Mahkamah 113 – lebih daripada seorang tertuduh Rangka pertuduhan perlu mematuhi seksyen 152 & 153 Kanun Tatacara Jenayah
PP/Penghantar Notis	- Membuat penyerahan saman yang telah ditetapkan oleh mahkamah bersama Kertas Pertuduhan kepada Orang Kena Saman (OKS) - Menyediakan affidavit serahan/tanpa serahan untuk difailkan ke mahkamah	
PIBM/PIN/KC	Jika terdapat permohonan untuk representasi daripada pihak peguam, untuk kemukakan surat representasi kepada PIBPP dalam tempoh 1 hari dari tarikh penerimaan representasi.	Arahan Pendakwa Raya Bil 1/2020
PIBPP	Menerima surat representasi dan menyediakan Nota Taklimat kepada Bahagian Pendakwaan (BP), Jabatan Peguam Negara (AGC) serta memberikan taklimat, jika perlu.	
Bahagian Pendakwaan, AGC	Menyemak Nota Taklimat dan memberikan keputusan bagi representasi kepada PIBPP	
PIBPP	Menerima keputusan representasi dan memaklumkan kepada PIBM/PIN/KC	
PIBM/PIN/KC	Menerima keputusan representasi dan mengambil tindakan sewajarnya.	
PIBPP	- Menerima KS dan keputusan mahkamah daripada Bahagian Mahkamah (BM). - Melaporkan keputusan mahkamah kepada KPI. - Mengemukakan KS kepada PIN/KC untuk disimpan dalam tempoh 1 hari dari tarikh KS diterima.	


JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
PIN/KC	• Menerima KS dan memberikan arahan kepada Pegawai Penyiasat dalam tempoh 1 hari dari tarikh KS diterima untuk KS disimpan. • Memaklumkan keputusan kepada Ketua Unit Kebankrapan dalam tempoh 1 hari dari tarikh KS diterima.	
KUB	• Menerima keputusan dan meminit keputusan dalam fail pentadbiran kes kebankrapan serta tandakan tindakan telah selesai/memasukkan data ke dalam INSIST dalam tempoh 1 hari dari arahan diterima.	
PP	• Menerima KS dan menutup KS dalam tempoh 1 hari dari tarikh arahan diterima daripada PIN/KC.	


b. Carta Aliran Kerja Pengendalian Kertas Siasatan Fraud






Manual Prosedur Kerja
JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA









BORANG ADUAN
(BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN)
JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA

No. Aduan		Tarikh dan Masa	
Tempat Pengaduan		Negeri	
BUTIR-BUTIR PENGADU			
Nama			
Jawatan		No. Kad Pengenalan	
Alamat Pejabat			
Alamat Rumah			
No. Telefon Pejabat/HP		No. Faksimili	
BUTIR-BUTIR PENERIMA ADUAN			
Nama			
Jawatan		No. Kad Pengenalan	
Alamat Pejabat			
Alamat Rumah			
BUTIR-BUTIR PENGADUAN			

Aduan -

**Sila gunakan Lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi*

.....

Tandatangan Jurubahasa

.....

Tandatangan Pengadu

.....

Tandatangan Penerima Aduan

Nama

-

Nama

Nama

Ruj. Kami :

Tarikh :

EMEL / FAX / POS

Nama Pengadu

Alamat Pengadu

Tuan / Puan,

DALAM PERKARA MAHKAMAH TINGGI XXXX

KEBANKRAPAN NO. 29-XXXX-XXXX

BER : NAMA BANKRAP

PER : PERKARA YANG DIADU

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan juga surat puan bertarikh yang diterima oleh Jabatan ini pada berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, Jabatan ini mengambil maklum aduan yang puan kemukakan dan mengucapkan terima kasih berhubung perkara tersebut.

3. Aduan puan kini sedang dalam tindakan siasatan dan penelitian Jabatan ini. Jabatan ini akan menghubungi puan sekiranya ada maklumat lanjut diperlukan berhubung aduan puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(XXXXXXXXXXXXXX)

Pengarah Insolvensi Negeri / Ketua Cawangan

BORANG 1



**BAHAGIAN/UNIT PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN
JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA (Mdl)**

Rujukan Kami:

Tarikh:

.....
.....
.....
.....

**ARAHAN MENGHADIRI PENYIASATAN DI BAWAH SEKSYEN 111 KANUN
TATACARA JENAYAH (AKTA 593)**

1. Bahawasanya saya..... selaku Pegawai Penyiasat daripada Bahagian/Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) sedang menjalankan suatu siasatan berkaitan kesalahan di bawah Seksyen Akta Insolvensi 1967 (Akta 360) bersabit dengan nombor rujukan Kertas Siasatan bertarikh

2. Berdasarkan siasatan, Bahagian/Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) mempercayai bahawa anda mempunyai maklumat atau pengetahuan tentang keadaan kes ini. Oleh itu, di bawah peruntukan Seksyen 111 Kanun Tatacara Jenayah, anda dikehendaki menghadirkan diri untuk memberi keterangan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh / Masa:

Tempat:

3. Jika anda enggan atau gagal hadir sebagaimana yang dikehendaki, Mahkamah boleh mengeluarkan waran untuk memastikan kehadiran anda. Adalah diingatkan bahawa kegagalan atau keengganan untuk hadir sepertimana yang dikehendaki adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 174 Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara selama tempoh sehingga sebulan atau dengan denda sehingga RM 1,000.00 atau dengan kedua-duanya sekali.

4. Sila akui penerimaan perintah ini dan sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini bolehlah berhubung dengan saya di talian pejabat atau telefon bimbit.....

Sekian, terima kasih

(.....)

.....

.....

.....

BORANG 2



**BAHAGIAN/UNIT PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN
JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA (Mdl)**

**PENGESAHAN PENERIMAAN ARAHAN MENGHADIRKAN DIRI
BAGI PENYIASATAN DI BAWAH SEKSYEN 111, KANUN TATACARA JENAYAH (AKTA 593)**

Nombor Kertas Siasatan :

Nombor Kes Kebankrapan :

Tandatangan Penerima :

Nama :

Nombor KP :

Tarikh / Masa :

Tandatangan Penyerah :

Nama/No. Kad Kuasa/Gred :

Bahagian/Unit Penyiasatan Dan Penguatkuasaan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)

Tarikh/Masa :

BORANG 3

**WARAN MENGKEHENDAKI KEHADIRAN SAKSI
DI BAWAH SUB SEKSYEN 111 (2) KANUN TATACARA JENAYAH**

Kepada No. KP
Alamat

Bahawasanya pengaduan telah dibuat di hadapan saya bahawa kamu enggan hadir membantu siasatan sebagaimana yang diperintah oleh seorang pegawai penyiasat yang menjalankan penyiasatan mengenai suatu pengaduan bersangkut (nombor rujukan kertas siasatan) kesalahan di bawah seksyen di(Jabatan Insolvensi cawangan) pada jam

Kamu dengan ini adalah diperintahkan supaya hadir di (Jabatan Insolvensi cawangan) pada jam untuk memberi maklumat mengenai segala yang kamu tahu berkenaan pengaduan tersebut kepada (pegawai penyiasat)

Kamu diberi amaran bahawa jika kamu tanpa sebab-sebab yang berpatutan mengabaikan atau enggan hadir pada tarikh tersebut, suatu waran tangkap akan dikeluarkan bagi memaksa kehadiran kamu.

Diberi di bawah pemerhatian saya dan meteri Mahkamah padaharibulan tahun

(Meteri)

Majistret

BORANG 4

**WARAN TANGKAP MENGKEHENDAKI KEHADIRAN SAKSI
DI BAWAH SUB SEKSYEN 111 (2) KANUN TATACARA JENAYAH**

Kepada Ketua Polis Negara, dan kesemua Pegawai-pegawai Polis yang lain.

Bahawasanya pengaduan telah dibuat di hadapan saya bahawa penama..... No. KP beralamat
..... telah enggan hadir memberi percakapan dari seorang pegawai penyiasat yang menjalankan penyiasatan mengenai suatu pengaduan bersangkut (nombor rujukan kertas siasatan), kesalahan di bawah seksyen di Jabatan Insolvensi Malaysia cawangan pada jam

Kamu dengan ini adalah diperintahkan untuk menangkap penama tersebut dan membawanya ke Jabatan Insolvensi Malaysia cawangan pada jam untuk dirakamkan percakapan bagi tujuan memberi maklumat mengenai segala yang beliau tahu berkenaan pengaduan tersebut kepada

Waran ini hendaklah dikembalikan kepada Mahkamah dengan suatu indorsmen yang memperakui perlaksanaannya.

Bertarikhharibulan tahun

LAMPIRAN A



**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI SHAH ALAM
PENDAKWAAN JENAYAH KES NO. : XX-XX-XX-XX/20XX**

PENDAKWA RAYA

TERHADAP

**XXXXXXXXX A/L XXXXXXXX
(NO.K/P : XXXXXX-XX-XXXX)**

PERTUDUHAN:

Bahawa kamu pada 10 Oktober 2014 bertempat di Jabatan Insolvency Malaysia Cawangan Selangor, Tingkat 12, Menara MRCB, No.2 Jalan Majlis 14/10, Seksyen 14 di dalam Daerah Shah Alam di Negeri Selangor sebagai seorang bankrap yang masih belum dilepaskan, telah menyembunyikan ½ bahagian hartanah milik kamu iaitu sebuah lot kedai pejabat yang beralamat No. Pendaftaran Hakmilik PT XXXXX, HSD XXXXX, Mukim Kapar, Daerah Klang, Negeri Selangor dengan nilai hartanah ½ bahagian bernilai RM295,000.00 selepas penyampaian Petisyen Kebankrapan bertarikh 27 Februari 2014 dibuat terhadap kamu pada 14 April 2014, daripada pengetahuan Ketua Pengarah Insolvency. Oleh itu, kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 109(1)(d) Akta Insolvency 1967 [Akta 360] dan boleh dihukum di bawah Seksyen 109(1) Akta yang sama.

HUKUMAN : Seksyen 109(1) Akta Insolvency 1967

Jika didapati bersalah boleh dihukum dengan pemenjaraan yang boleh dilanjutkan selama dua (2) tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali.

DALAM MAHKAMAH SESYEN DI SHAH ALAM
PENDAKWAAN JENAYAH KES NO. : XX-XX-XX-XX/20XX

TERTUDUH: XXXXXX A/L XXXXXX (NO.K/P: XXXXXX-XX-XXXX)
SEKSYEN 109(1)(d) DAN SEKSYEN 109(1)(e) AKTA INSOLVENSİ 1967

FAKTA KES

1. Pada 14.4.2014 dan 15.4.2014, satu petisyen kebangkrapan telah disampaikan kepada XXXXXX a/l XXXXXX (No.K/P: XXXXXX-XX-XXXX) iaitu tertuduh melalui penyampaian ganti.
2. Kemudiannya, pada 5.6.2014, satu perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman telah direkodkan terhadap tertuduh oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam.
3. Pada 10.10.2014, tertuduh telah hadir untuk sesi temu kenal di Jabatan Insolvency Malaysia, Cawangan Selangor, berlamat di Tingkat 12 Menara MRCB, No.2 Jalan Majlis 14/10, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor. Pernyataan Hal Ehwal bertarikh 10.10.2014 juga telah diserahkan kepada Pegawai Insolvency XXXX XXXXXXXX Bin XXXX XXXX pada hari yang sama.
4. Dalam pernyataan Hal Ehwal bertarikh 10.10.2014 tersebut, tertuduh hanya menyatakan satu pemiutang tidak bercagar iaitu Bank Simpanan Nasional dan tiada hutang lain yang dinyatakan. Tertuduh juga tidak menyatakan/mengisytiharkan apa-apa harta dalam Pernyataan Hal Ehwal bertarikh 10.10.2014.
5. Pada 8.5.2017, Jabatan Insolvency Malaysia Cawangan Selangor telah menerima sesalinan surat aduan daripada Pemiutang Penghakiman iaitu XXXXX a/p XXXXX yang menyatakan tertuduh telah memindah milik $\frac{1}{2}$ Bahagian hartanah yang dipegang di bawah H.S.(D) XXXXX, PTXXXXX, Mukim Kapar, Daerah Klang, Negeri Selangor kepada isterinya, XXXXX a/p XXXXX XXXXX.

6. Hasil siasatan mendapati bahawa tertuduh merupakan pemilik berdaftar ½ Bahagian hartanah tersebut, walau bagaimanapun tertuduh tidak pernah mengisytiharkannya di dalam Pernyataan Hal Ehwal.
7. Hasil siasatan lanjut mendapati, pada 2.3.2016, tertuduh telah memindahmilik bahagiannya itu kepada isterinya iaitu XXXXX a/p X XXXXX XXXXX melalui satu borang pindah milik 14A bertarikh 28.1.2016 yang telah direkodkan dengan nombor penyerahan 15XXX/20XX pada 2.3.2016 jam 09:04:03 pagi di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor.
8. Namun begitu, hasil siasatan terhadap nilai hartanah tersebut mendapati bahawa harga nilai pasaran hartanah tersebut ketika itu adalah RM295,000.00.
9. Pada 28.6.2016, jam 10:04:59 pagi, telah direkodkan satu transaksi pindahmilik daripada isteri tertuduh kepada X. XXXXX a/l X. XXXXX melalui nombor penyerahan 57XXX/20XX di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor.
10. Transaksi diantara tertuduh dan isterinya telah dilakukan dalam tempoh mana tertuduh masih lagi seorang bankrap yang masih belum dilepaskan daripada kebangkrapan.

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI

DALAM KEBANKRAPAN NO.

BER :

(No. KP :))

Ex-Parte :

KETUA PENGARAH INSOLVENSİ MALAYSIA PEMOHON

SAMAN DALAM KAMAR PERMOHONAN WARAN TANGKAP

Benarkan semua pihak yang berkenaan hadir di hadapan Penolong Kanan Pendaftar pada pukul 9.00 pagi pada _____ atas permohonan Ketua Pengarah Insolvency Malaysia untuk Perintah berikut:-

1. Waran Tangkap dikeluarkan terhadap, No. K/P: di bawah Seksyen 28(1)(a) Akta Insolvency 1967.
2. Bahawa bankrap mendapatkan seorang penjamin dengan bon jaminan yang ditentukan oleh Mahkamah.
3. Kos dalam kausa.

Alasan-alasan bagi permohonan ini adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Affidavit yang difailkan bersama.

Bertarikh pada:

TIMBALAN PENDAFTAR

Mahkamah Tinggi

Saman Dalam Kamar ini telah difailkan oleh Ketua Pengarah Insolvency Malaysia yang beralamat di Jabatan Insolvency Malaysia, Cawangan

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI

DALAM KEBANKRAPAN NO.

BER :

(No. KP :)

Ex-Parte :

KETUA PENGARAH INSOLVENSİ MALAYSIA PEMOHON

AFIDAVIT KERANA TIDAK MEMATUHI PERINTAH

DI BAWAH SEKSYEN 28(1)(a)

SAYA (nama penuh pegawai insolvensi), No. Kad Pengenalan yang cukup umur dan beralamat di Jabatan Insolvensi Malaysia, cawangansesungguhnya berikrar dan menyatakan seperti berikut ;-

1. Saya adalah seorang Pegawai Insolvensi yang bertugas di Jabatan Insolvensi Malaysia, Cawangandan diberi kuasa untuk mengikrarkan Afidavit ini.
2. Fakta-fakta yang dideposkan di sini adalah dalam pengetahuan, maklumat dan kepercayaan saya dan/atau daripada rekod-rekod Jabatan yang saya punyai akses kecuali dinyatakan sebaliknya.
3. Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman/Perintah Kebankrapan telah dibuat terhadap (bankrap) pada oleh Mahkamah Tinggi, di atas permohonan Saya eksibitkan dokumen Perintah Penerimaan dan Penghukuman/Perintah Kebankrapan dan ditandakan sebagai eksibit “**XXX-1**”
4. Pada satu notis bagi kedua-dua Perintah di atas telah dihantar untuk diiklankan di dalam akhbar “.....”.
5. Sepucuk surat bertarikh telah dihantar secara pos berdaftar kepada sibankrap di alamat terakhirnya yang diketahui. Satu salinan surat yang dihantar dilampirkan bersama-sama ini ditandakan sebagai eksibit “**XXX-2**” .

6. Penghantar Notis Jabatan Insolvency Malaysia, Cawangan telah membuat tiga (3) kali cubaan untuk menyerahkan kedua-dua perintah tersebut pada di alamat terakhir sbankrap tetapi kesemua gagal. Affidavit Tanpa Penyampaian Penghantar Notis dikepikan dan ditandakan sebagai eksibit “XXX-3”.

7. Dengan itu, saya sesungguhnya percaya dan yakin bahawa sbankrap, (nama penuh bankrap) sedang menyembunyikan diri dengan tujuan mengelakkan diri dari disiasat berhubung dengan perihalnya atau sengaja melambatkan atau menyulitkan prosiding kebangkrutan terhadapnya.

8. Jika Perintah dibuat supaya Waran Tangkap dikeluarkan, Ketua Pengarah Insolvency Malaysia tiada sebarang halangan jika sbankrap dilepaskan setelah mendapatkan seorang penjamin dengan bon jaminan yang ditentukan oleh Mahkamah.

9. Oleh yang demikian, saya memohon supaya Mahkamah yang mulia ini membuat Perintah supaya Waran Tangkap dikeluarkan terhadap (nama penuh bankrap), No. Kad Pengenalan: mengikut peruntukan Seksyen 28(1)(a) Akta Insolvency 1967.

Diikrarkan oleh (Nama Pegawai Insolvency) }

Yang dinamakan di atas }

di, }

Pada haribulan 2015 }

Jam pagi/petang }

Di hadapan saya,

.....

Pesuruhjaya Sumpah

Affidavit ini difailkan untuk dan bagi pihak Ketua Pengarah Insolvency, Pentadbir bagi harta (nama penuh bankrap) seorang bankrap.

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI

DALAM KEBANKRAPAN NO.

BER :

(No. KP :)

Ex-Parte :

KETUA PENGARAH INSOLVENSİ MALAYSIA PEMOHON

Perakuan Mengenal Pasti Ekshibit

Saya dengan ini mengesahkan bahawa ekshibit yang dilampirkan berikut ini adalah ekshibit bertanda "XXX-1" yang dirujuk di dalam affidavit yang diikrarkan oleh (Nama penuh Pegawai Insolvensi) di hadapan saya pada hb 2015.

Di hadapan saya

.....

Pesuruhjaya Sumpah

No. 13
(Rule 56)
(Title)

SEARCH WARRANT

Whereas by evidence taken upon oath it have been made to appear to the Court that there is reason to suspect and believe that property of the said debtor is concealed in the house (or describing other place, as the case may be) of one of such house (or place) not belonging to the said debtor:

Therefore you are required to enter in the day time into the house (or other place describing it) of the said situate at aforesaid, and diligently to search for the said property, and if any property of the said debtor shall be there found by you on such search, that you seize the same, to be disposed of and dealt with according to the provisions of the Act.

Dated this day of 20

.....
Registrar

To the officer of this Court and his assistants (or the Bailiff of this Court).

No. 14
(Rule 56)
(Title)

WARRANT OF SEIZURE

Whereas on the day of 20 a bankruptcy order was made against the said debtor: Therefore you are required to forthwith enter into the house and other premises of the said debtor, and also in all other places belonging to the said debtor where any of his goods and moneys, jewels, plate, household stuff, goods, merchandise, books of accounts, and all other things whatsoever, belonging to the said debtor, are, except his necessary wearing apparel bedding and tools as excepted by the Act.

And that which you shall so seize you shall safely detain and keep in your possession until you shall receive other orders in writing for the disposal of the seized property from the Director General of Insolvency; and in case of resistance or of not having the key or keys of any door or lock of any premises belonging to the said debtor where any of his goods are or are suspected to be, you shall break open, or cause the same to be broken open for the better execution of this warrant.

Dated this day of 20

.....
Registrar

To the officer of this Court and to his assistants.

4.3.2 Pengendalian *Insolvency Loose Minute Action File (ILMAF)* Untuk Tindakan Komital

a. Proses Kerja Pengendalian *ILMAF* Untuk Tindakan Komital

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
Pembantu Tadbir(PT) Cawangan/Ibu Pejabat	- Menerima aduan secara bertulis sama ada daripada luar atau dalaman/berdasarkan semakan fail pentadbiran/hasil daripada Pemeriksaan Awam/penzahiran aset bankrap. Jika aduan diterima secara lisan, menasihati pengadu untuk membuat aduan secara bertulis mengikut format Borang Aduan Jabatan. - Mengakui terima aduan dan mendaftarkan aduan dalam Buku Daftar Aduan pada hari yang sama. - Mengemukakan salinan pendua aduan kepada pengadu pada hari yang sama. <u>Jika aduan diterima oleh cawangan</u> Aduan dikemukakan kepada PIN/KC. <u>Jika aduan diterima oleh Ibu Pejabat</u> Aduan dikemukakan kepada PIBPP.	- Seksyen 84A Akta 360 - Seksyen 107 Kanun Tatacara Jenayah - Surat akuan terima aduan - Borang Aduan Jabatan
Pengarah Insolvensi Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan (PIBPP)/ Pengarah Insolvensi Negeri (PIN)/ Ketua Cawangan (KC)	Meneliti aduan dan memberikan arahan pada hari yang sama aduan diterima. <u>Jika aduan diterima oleh cawangan</u> Arahan kepada Ketua Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan (KUPP)/Pegawai Penyiasat (PP) untuk membuka <i>ILMAF</i> <u>Jika aduan diterima oleh Ibu Pejabat</u> Arahan kepada Pembantu Tadbir untuk mengemukakan aduan ke cawangan yang berkenaan dalam	Para 84A Akta 360 dibaca bersama dengan para 72 (d) akta sama

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
	masa dua (2) hari	
KUPP/PP Cawangan	Memberi arahan kepada Pembantu Tadbir (PT) untuk membuka <i>ILMAF</i> pada hari yang sama	
PT Cawangan	- Membuka dan mendaftar <i>ILMAF</i> dalam Buku Daftar Komital pada hari yang sama arahan diterima daripada KUPP/PP dengan mendaftarkan: (i) nama pengadu; (ii) nama suspek; (iii) nombor kad pengenalan suspek; dan (iv) cawangan yang mentadbir kes. - Mengemukakan <i>ILMAF</i> kepada KUPP/PP untuk arahan/tindakan lanjut pada hari yang sama <i>ILMAF</i> dibuka.	
KUPP/PP Cawangan	<u>Cawangan Yang Mempunyai KUPP</u> - KUPP meminitkan <i>ILMAF</i> kepada PP yang berkenaan untuk menjalankan siasatan. <u>Cawangan Yang Tidak Mempunyai KUPP</u> - PP menjalankan siasatan selepas menerima <i>ILMAF</i> daripada PT	
PT Cawangan	- Merekod pergerakan <i>ILMAF</i> dalam Buku Daftar Komital. - Mengedarkan <i>ILMAF</i> kepada PP yang ditugaskan.	
PP	- Mengakui terima <i>ILMAF</i> dalam Buku Daftar Komital. - Membuka Diari Siasatan (DS) dan mencatatkan setiap pergerakan siasatan dalam DS. - Mengenal pasti kesalahan.	- Seksyen 107 Kanun Tatacara Jenayah - Seksyen 107A Kanun Tatacara Jenayah 10 kesalahan komital dalam Akta 360; – Seksyen 16 (3) Akta 360;

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
		– Seksyen 16 (4) Akta 360; – Seksyen 18(13) Akta 360; – Seksyen 38 (1)(a) Akta 360; – Seksyen 38 (1)(b) Akta 360; – Seksyen 38 (1)(bb) Akta 360; – Seksyen 38 (1)(c) Akta 360; – Seksyen 38 (1)(d) Akta 360; – Seksyen 38 (1)(e) Akta 360; – Seksyen 91(2) Akta 360.
PP	• Membuat carian rasmi (dalaman) status Orang Yang Disyaki (OYDS) bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan kebangkrapan berkaitan. • Membuat carian agensi-agensi kerajaan yang lain (SSM, JPJ, JPN, Imigresen, PTG, Pihak Berkuasa Tempatan, Bank-bank, Institusi kewangan, syarikat telekomunikasi dan utiliti serta lain-lain agensi yang berkaitan dengan aduan yang dikemukakan).	
PP	• Mengeluarkan notis kepada saksi untuk hadir memberi keterangan (Terpakai bagi saksi luar – jika berkenaan). • Mengambil keterangan/afidavit saksi/pegawai meja.	• Seksyen 111 Kanun Tatacara Jenayah • Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah


JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
	- Memohon waran tangkap di mahkamah ke atas saksi yang gagal hadir beri keterangan. - Melaksanakan waran tangkap bagi saksi tersebut. Sekiranya berjaya dilaksanakan dan saksi hadir, PP mengambil rakaman percakapan saksi (jika berkenaan). - Mengeluarkan notis/minit kepada Pegawai Meja Bahagian / Unit Kebankrapan untuk tandakan pada fail pentadbiran kebangkrapan tersebut sedang dalam tindakan siasatan.	
PP	- Menyediakan Laporan Siasatan dan menyediakan minit pada kertas minit <i>ILMAF</i>. - Memaklumkan kepada Unit Kebankrapan sekiranya terdapat penemuan aset bankrap yang belum didedahkan. - Memastikan <i>ILMAF</i> telah lengkap untuk disemak oleh PIN/ KC/KUPP	- Seksyen 56 Akta 360 - Borang 13 Waran Menggeledah Kaedah 56 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 - Borang 14 Waran Sitaan Kaedah 56 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 - Seksyen 63, 64 dan 65 KTJ
KUPP/PP Cawangan	<u>Cawangan Yang Mempunyai KUPP</u> - KUPP membuat semakan dan memastikan <i>ILMAF</i> telah lengkap untuk dikemukakan kepada PIN/KC - KUPP mengemukakan <i>ILMAF</i> kepada PIN/KC dengan syor <u>Cawangan Yang Tidak Mempunyai KUPP</u> - PP mengemukakan <i>ILMAF</i> yang telah disemak dan dilengkapi kepada PIN/KC dengan syor	


JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
PIN/ KC	- Menyemak <i>ILMAF</i>. - Menyediakan syor dan ulasan pada kertas minit <i>ILMAF</i>. - Meminitkan NFA sekiranya tiada kes. - Meminitkan kepada KUPP/PP sekiranya perlu meneruskan tindakan Komital. - Sekiranya kesalahan yang disiasat diklasifikasikan di bawah kategori Bankrap Berprofil Tinggi berdasarkan kepada Arahan Ketua Pengarah Insolvency Bil.8/Tahun 2016, <i>ILMAF</i> dikemukakan ke Ibu Pejabat untuk syor dan arahan selanjutnya.	
PIBPP/Pengarah Insolvency Bahagian Mahkamah (PIBM)	<u>Bankrap Berprofil Tinggi</u> - PIBPP terima dan kaji <i>ILMAF</i>. <i>ILMAF</i> dikemukakan kepada Bahagian Mahkamah. - Bahagian Mahkamah menerima dan kaji <i>ILMAF</i> serta memberikan syor dan arahan selanjutnya. <i>ILMAF</i> dikemukakan kepada Pengurusan Tertinggi. <i>ILMAF</i> diterima daripada Pengurusan Tertinggi dengan arahan lanjut. - Terima arahan samada untuk pertuduhan/ siasatan lanjut / NFA.	
KUPP/PP Cawangan	<u>Kes Komital Biasa</u> <u>Cawangan Yang Mempunyai KUPP</u> KUPP terima arahan daripada PIN/KC untuk meneruskan tindakan	

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
	Komital - KUPP meminitkan kepada PP untuk menyediakan draf Permohonan Komital dan affidavit sokongan - PP menyediakan dan menyerahkan draf Permohonan Komital dan affidavit sokongan kepada KUPP - KUPP meminitkan dan menyerahkan fail <i>ILMAF</i> dan juga draf Permohonan Komital serta affidavit sokongan yang telah disediakan oleh PP kepada Unit Mahkamah untuk tindakan pemfailan di Mahkamah <u>Cawangan Tidak Yang Mempunyai KUPP</u> - PP terima arahan daripada PIN/KC untuk meneruskan tindakan Komital - PP menyediakan draf Permohonan Komital dan affidavit sokongan - PP meminitkan dan menyerahkan fail <i>ILMAF</i> dan juga draf Permohonan Komital serta affidavit sokongan yang telah disediakan kepada Unit Mahkamah untuk tindakan pemfailan di Mahkamah	
Pegawai Unit Mahkamah (PUM)	- Memfailkan permohonan komital di Mahkamah. - Mendapatkan salinan termeterai notis permohonan komital dan menyerahkan kepada Unit Penyiasatan & Penguatkuasaan.	Borang 19, 23 dan 24, Kaedah 59 dan 60 Kaedah-Kaedah Insolvency 2017
PP	- Membuat serahan notis permohonan komital kepada bankrap. - Menyediakan affidavit serahan atau affidavit tanpa serahan dalam tempoh 7 hari.	

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
	Mengemukakan afidavit serahan atau afidavit tanpa serahan pada hari yang sama kepada Bahagian/Unit Mahkamah.	
(PUM)	- Hadir dan memaklumkan keputusan Mahkamah kepada BPP / UPP. - Jika bankrap tidak hadir dan notis permohonan komital telah diserahkan kepada bankrap, Unit Mahkamah mengemukakan waran tangkap kepada BPP/UPP untuk pelaksanaan ke atas bankrap.	
PP	- Menerima <i>ILMAF</i> dan keputusan Mahkamah dari Unit Mahkamah untuk direkodkan. - Menerima Waran Tangkap dari Unit Mahkamah untuk dilaksanakan ke atas bankrap. - Menyerahkan Waran Tangkap kepada pihak polis untuk dilaksanakan ke atas bankrap. - Mendapatkan status pelaksanaan Waran Tangkap daripada pihak polis. - Memaklumkan status pelaksanaan Waran Tangkap kepada Bahagian/Unit Mahkamah dalam tempoh 1 hari dari tarikh terima maklumat daripada pihak polis.	- Kaedah 56 dan 57 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 - Borang 17 - Aturan 70 Kaedah 9 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012
PP	Mengemaskini maklumat ke dalam INSIST.	

b. Carta Aliran Kerja Pengendalian *Insolvency Loose Minute Action File (ILMAF)*





4.3.2 Pengendalian Kertas Siasatan Untuk Tindakan Komital [Seksyen 27(4), 38(1)(ba) dan 55(5) Akta 360]

a. Proses Kerja Pengendalian Kertas Siasatan Untuk Tindakan Komital [Seksyen 27(4), 38(1)(ba) dan 55(5) Akta 360]

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
Pembantu Tadbir (PT) Cawangan/Ibu Pejabat	- Menerima aduan secara bertulis sama ada daripada luar atau dalaman/berdasarkan semakan fail pentadbiran/hasil daripada Pemeriksaan Awam/penzahiran aset bankrap. Jika aduan diterima secara lisan, menasihati pengadu untuk membuat aduan secara bertulis mengikut format Borang Aduan Jabatan. - Mengakui terima aduan dan mendaftarkan aduan dalam Buku Daftar Aduan pada hari yang sama. - Mengemukakan salinan pendua aduan kepada pengadu pada hari yang sama. <u>Jika aduan diterima oleh cawangan</u> Aduan dikemukakan kepada PIN/KC. <u>Jika aduan diterima oleh Ibu Pejabat</u> Aduan dikemukakan kepada PIBPP.	- Seksyen 84A Akta 360 - Seksyen 107 Kanun Tatacara Jenayah - Surat akuan terima aduan - Borang Aduan Jabatan
Pengarah Insolvensi Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan (PIBPP)/ Pengarah Insolvensi Negeri (PIN)/ Ketua Cawangan (KC)	Meneliti aduan dan memberikan arahan pada hari yang sama aduan diterima. <u>Jika aduan diterima oleh cawangan</u> Arahan kepada Ketua Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan (KUPP)/Pegawai Penyiasat (PP) untuk membuka Kertas Siasatan (KS). <u>Jika aduan diterima oleh Ibu Pejabat</u> Arahan kepada PT untuk	Para 84A Akta 360 dibaca bersama dengan para 72 (d) akta sama

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
	mengemukakan aduan ke cawangan yang berkenaan dalam masa dua (2) hari	
KUPP/PP	Memberi arahan kepada PT untuk membuka KS pada hari yang sama.	
PT Cawangan	- Membuka dan mendaftar KS dalam Buku Daftar KS Komital pada hari yang sama arahan diterima daripada KUPP/PP dengan mendaftarkan: (i) nama pengadu; (ii) nama suspek; (iii) nombor kad pengenalan suspek; dan (v) cawangan yang mentadbir kes. - Mengemukakan KS kepada KUPP/PP untuk arahan pada hari yang sama KS dibuka.	
KUPP/PP	<u>Cawangan Yang Mempunyai KUPP</u> - KUPP meminitkan KS kepada Pegawai Penyiasat yang berkenaan untuk menjalankan siasatan. <u>Cawangan Yang Tidak Mempunyai KUPP</u> - PP menjalankan siasatan selepas menerima KS daripada PT.	
PT Cawangan	- Merekod pergerakan KS dalam Buku Daftar KS Komital. - Mengedarkan KS kepada Pegawai Penyiasat yang ditugaskan.	
PP	- Mengakui terima KS dalam Buku Daftar KS Komital. - Membuka Diari Siasatan (DS) dan mencatatkan setiap pergerakan siasatan dalam DS. - Mengenal pasti kesalahan.	- Seksyen 107 Kanun Tatacara Jenayah - Seksyen 107A Kanun Tatacara Jenayah 3 kesalahan komital dalam Akta 360; – Seksyen 27(4) Akta 360;

JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
		– Seksyen 38 (1) (ba) Akta 360; – Seksyen 55(5) Akta 360;
PP	• Membuat carian rasmi (dalaman) status Orang Yang Disyaki (OYDS) bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan kebangkrapan berkaitan. • Membuat carian agensi-agensi kerajaan yang lain (SSM, JPJ, JPN, Imigresen, PTG, Pihak Berkuasa Tempatan, Bank-bank, Institusi kewangan, syarikat telekomunikasi dan utiliti serta lain-lain agensi yang berkaitan dengan aduan yang dikemukakan).	
PP	• Mengeluarkan notis kepada saksi untuk hadir memberi keterangan (Terpakai bagi saksi luar – jika berkenaan). • Mengambil keterangan/afidavit saksi/pegawai meja. • Memohon waran tangkap di mahkamah ke atas saksi yang gagal hadir beri keterangan. • Melaksanakan waran tangkap bagi saksi tersebut. Sekiranya berjaya dilaksanakan dan saksi hadir, pegawai penyiasat mengambil rakaman percakapan saksi (jika berkenaan). • Mengeluarkan notis kepada Pegawai Meja Bahagian / Unit Kebankrapan untuk tandakan pada fail pentadbiran kebangkrapan tersebut bahawa kes dalam tindakan siasatan.	• Seksyen 111 Kanun Tatacara Jenayah • Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah
PP	• Menyediakan Laporan Siasatan dan menyediakan minit pada kertas minit KS.	• Seksyen 56 Akta 360


JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
	- Memaklumkan kepada Unit Kebankrapan sekiranya terdapat penemuan aset bankrap yang belum didedahkan. - Memastikan Kertas Siasatan telah lengkap untuk disemak oleh PIN/KC/KUPP	- Borang 13 Waran Mengeledah Kaedah 56 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 - Borang 14 Waran Sitaan Kaedah 56 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 - Seksyen 63, 64 dan 65 KTJ
KUPP/PP	<u>Cawangan Yang Mempunyai KUPP</u> - KUPP membuat semakan dan memastikan KS telah lengkap untuk dikemukakan kepada PIN/KC - Mengemukakan KS kepada PIN/KC dengan syor <u>Cawangan Yang Mempunyai KUPP</u> - PP mengemukakan KS yang telah disemak dan dilengkapi kepada PIN/KC dengan syor	
PIN/ KC	- Menyemak Kertas Siasatan. - Menyediakan syor dan ulasan pada kertas minit Kertas Siasatan untuk dikemukakan kepada Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan (BPP) - Meminitkan NFA sekiranya tiada kes.	
PIBPP/Pengarah Insolvensi Bahagian Mahkamah (PIBM)	<u>Bankrap Berprofil Tinggi</u> - PIBPP terima dan kaji KS. KS dikemukakan kepada Bahagian Mahkamah. - Bahagian Mahkamah menerima dan kaji KS serta memberikan syor	


JAWATAN	PROSES	PUNCA KUASA
